



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A 2016/04/34 (HQ)

TNB RANGKUL ANUGERAH PLATINUM GLOBAL CSR SUMMIT & AWARDS 2016

Tenaga Nasional Berhad (TNB) buat julung kalinya merangkul anugerah platinum melalui kategori *CSR Leadership Award* di majlis *Annual Global CSR Summit and Awards 2016* di Bali, Indonesia baru-baru ini.

Penganugerahan ini berdasarkan penglibatan aktif Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie dalam aktiviti CSR TNB yang menekankan usaha-usaha syarikat dalam pendidikan, pemuliharaan dan kelestarian alam sekitar serta pembangunan komuniti.

Pada majlis yang sama TNB turut merangkul tiga lagi anugerah melalui anak-anak syarikatnya yang menyumbang dan mempromosi aktiviti CSR TNB.

TNB Research Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh TNB memenangi Anugerah Emas bagi kategori *'Best Environmental Excellence'* atas pencapaiannya dalam membuat kajian, memulihara alam sekitar dan memindah serta menyelamatkan hidupan liar di Projek Hidro Hulu Terengganu.

TNB Janamanjung Sdn. Bhd. pula berjaya meraih dua anugerah iaitu Emas untuk kategori *Best Workplace Practices* dan Perak untuk kategori *Best Environmental Excellence* bagi pengoperasian stesen yang memberi penekanan kepada keprihatinan warga kerja dan alam sekitar.

Pengurus Besar Kanan (Hal Ehwal Korporat & Komunikasi) TNB, Datuk Ir. Mohd Aminuddin Mohd Amin mewakili TNB menerima anugerah tersebut dari *Head of Indonesia Joint Crediting Mechanism Secretariat Indonesia - Japan Bilateral Cooperation*, Dicky Edwin Hirdanto.

Majlis tahunan *Annual Global CSR Summit & Awards 2016* ini mengumpulkan lebih 40 syarikat antarabangsa yang bergiat aktif dalam aktiviti CSR antaranya Tata Consultancy, Samsung, Pertamina dan Maybank.

Tahun lalu, TNB memenangi kategori *Best Community Program - Gold* melalui projek pemeliharaan kelip-kelip Kg Kuantan dan kategori *Best Environmental Excellence Award* untuk projek TNB Janamanjung.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 30 April 2016

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) / Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)*

media@tnb.com.my